

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]
SOALAN :**

YB Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah punca dan daripada mana punca Perdana Menteri dijangkiti kuman *E.Coli* sewaktu lawatan banjir di Kelantan. Berapakah aduan dan kes yang melibatkan kuman *E.Coli* dan penyakit-penyakit bawaan air yang menimpa rakyat Kelantan pasca banjir.

Tuan Yang di-Pertua,

Punca jangkitan kuman *E-coli* yang dilaporkan menimpa Perdana Menteri tidak dapat dikenalpasti. Sepanjang kejadian banjir dan pasca banjir di Kelantan, tiada aduan atau kes jangkitan bakteria *E-coli* dikesan. Walaupun begitu penyakit cirit birit atau *acute gastroenteritis* (AGE) didapati meningkat di pusat-pusat pemindahan banjir di Kelantan semasa bencana dan pasca banjir. Di antara faktor risiko peningkatan kes AGE adalah kerana kesesakan dan amalan kebersihan diri serta sanitasi persekitaran yang kurang memuaskan.